

SOALAN NO. : 59

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
[JELUTONG]**

TARIKH : 31 MAC 2015 [SELASA]

SOALAN:

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan bilakah peruntukan sebanyak RM150 juta bagi Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang Tahap Kedua yang dijanjikan dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9) dan kemudiannya ditunda ke RMK10 itu akan diturunkan sedangkan masalah pemindahan setingga setempat telah selesai.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang Fasa II telah dimasukkan di bawah Projek Lembangan Sungai Pinang, Negeri Pulau Pinang. Projek ini telah dipohon dalam RMKe-11 dengan kos keseluruhan adalah RM450 juta.

Sekian terima kasih.